

**KKDN cuba mempertahankan timbalan menteri?
Malaysiakini.com
March 21, 2007
Lee Ban Chen**

Pada 13 Mac 2007, pegawai kanan Bahagian Kawalan Penerbitan dan Teks al-Quran, Che Din Yusof, u.p. Ketua Setiausaha Kementerian Keselamatan Dalam Negeri (KKDN), telah menghantar pekeliling kepada akhbar-akbar tempatan arus perdana bertajuk: TINDAKAN AKHBAR-AKHBAR TEMPATAN MENYIARKAN ARTIKEL-ARTIKEL DARIPADA MEDIA SIBER DAN 'BLOG' YANG MEMBURUK-BURUKKAN KERAJAAN.

Dalam pekeliling tersebut, KKDN membidas wujudnya kecenderungan pihak akhbar memetik dan menyiarkan artikel dari media siber termasuk 'blog' yang kebanyakannya dianggap anti-kerajaan, dan khuatir amalan tersebut akan menyebabkan media siber mendapat lebih kredibiliti daripada akhbar itu sendiri.

Kementerian mendapati amalan tersebut telah menjadikan sesuatu isu terlalu sensasi dan mendapat perhatian umum. Pihak akhbar juga dilihat, terlalu mengeksploitasi isu-isu terbabit hingga menyebabkan orang ramai membuat kesimpulan sendiri dan persepsi yang negatif akibat terpengaruh dengan penghakiman sendiri oleh pihak akhbar.

Pihak akhbar diingatkan bahawa:

- Menurut seksyen 8A(2) AMCP 1984 adalah menjadi tanggungjawab pihak penerbit mengambil langkah-langkah yang munasabah untuk menentu kesahihan dan kebenaran berita sebelum menyiarkannya di dalam bahan penerbitan.
- Sesuatu berita perlu mempunyai asas atau sumber yang sah. Adalah tidak wajar pihak akhbar mempermainkan sentimen umum dan melanggar prinsip-prinsip kewartawanan kerana ia boleh menjejaskan kestabilan dan keselamatan negara.
- Syarat nombor 11, Syarat-Syarat Permit Penerbitan yang menghendaki Pemegang Permit sentiasa mematuhi dan tidak melanggar arahan dari masa ke semasa yang dikeluarkan Kementerian.

Masyarakat terbuka

Campurtangan KKDN secara terang-terangan ini telah dibidas keras oleh pihak-pihak terbabit, antara lain, Aliran telah mendesak agar arahan KKDN yang tidak masuk akal itu, ditarik balik kerana ianya bukan saja merupakan ejekan kepada ketelusan yang dijanjikan Perdana Menteri Abdullah Ahmad Badawi serta dakwaan beliau untuk kerja bersama rakyat, tetapi juga bertentangan dengan konsep sebuah masyarakat yang bersifat terbuka, demokratik dan progresif.

Cukup menakjubkan ialah pihak KKDN menafi pekeliling terbabit satu arahan untuk dipatuhi, tetapi hanya suatu permintaan. Permintaan? Maknanya boleh diabaikan tanpa mendatangkan sebarang akibat buruk kepada tuanpunya akhbar dan pemegang permit?

Ini memang dusta besar! Maklumlah di negara kita, jika pihak akhbar dianggap

KKDN “mempermainkan sentimen umum” hingga “menjejaskan kestabilan dan keselamatan negara”, ini bermakna bukan saja permit akhbar terbabit boleh digantung atau dibatalkan, individu-individu terbabit juga boleh ditahan di bawah Akta Keselamatan Dalam Negeri (ISA) tanpa dibicarakan!

Jika pekeliling tersebut bukan arahan, kenapa perlu diingati tentang syarat nombor 11, Syarat-Syarat Permit Penerbitan yang menghendaki pemegang permit sentiasa mematuhi dan tidak melanggar arahan dari masa ke semasa yang dikeluarkan oleh pihak kementerian?

Di satu pihak, pekeliling terbabit menekankan apa yang dinamakan etikaewartawan tentang kesahihan sesuatu berita. Di pihak yang lain, ia membuat tuduhan tidak berasas kononnya kebanyakan media siber “bersikap anti-kerajaan”.

Jika merujuk kepada skandal yang membabitkan Ketua Pengarah Badan Pencegah Rasuah, Datuk Seri Zulkipli Mat Noor dan Timbalan Menteri Keselamatan Dalam Negeri, Datuk Mohd Johari Baharum – di mana Zulkipli dituduh memperolehi aset yang tidak sepadan dengan sumber pendapatannya, manakala Johari pula didakwa salah laku menerima rasuah RM5.5 juta untuk membebaskan tiga suspek jenayah yang ditahan di bawah Ordinan Darurat.

Perbuatan blog yang mendedahkan skandal terbabit, dan akhbar-akhbar yang memetik dan menyiarkannya, adalah tindakan patriotik yang pro-kerajaan, kerana bukannya memerangi rasuah itu dasar yang sering diwar-warkan oleh kerajaan Abdullah? Tanpa dedahan blog dan petikan akhbar, skandal terbabit tentu tidak diketahui umum, apatah lagi disiasat oleh pihak berkuasa yang terbabit.

Dedah salah laku

Seperti anggapan Presiden Kesatuan Kebangsaan Wartawan (NUJ) Norila Mohd Daud, pihak akhbar juga bertanggungjawab untuk mendedahkan salah laku di peringkat tertinggi selagi ia mempunyai asas untuk menyokong dakwaan mereka.

Jika mereka tidak berani mengambil inisiatif untuk mendedahkan sesuatu skandal kerana takut dicap sebagai anti-kerajaan dan mengakibatkan permit penerbitan akhbar mereka tidak dilanjutkan pada hujung tahun, maka mereka terpaksa memetik dan menyiarkan apa yang telah didedahkan dalam media siber yang sudah pasti tersebar dengan begitu luas dan cepat sekali. Jika tidak, lama kelamaan, siapa ingin membaca akhbar lagi?

Di samping Akta Media Cetak dan Penerbitan 1984 dan pelbagai arahan KKDN yang mengongkong kebebasan media, Timbalan Menteri Keselamatan Dalam Negeri, Fu Ah Kio baru-baru ini mengaku beliau dipertanggungjawabkan untuk memantau “isu-isu sensitif” dalam media. Ini termasuk menghubungi editor media agar tidak membuat liputan isu sensitif. Justeru, beliau diejek sebagai “super editor media” yang mempunyai kata putus untuk menentukan berita mana yang boleh disiarkan dan yang mana pula tidak boleh!

Takrif dan garis panduan “isu sensitif” adalah amat subjektif. Isu atau skandal yang melibatkan menteri atau pemimpin negara yang boleh menjejaskan imej kerajaan, juga sering dianggap isu sensitif dan dilarang disiarkan dalam media arus perdana, atas alasan untuk menjaga kestabilan dan keselamatan negara konon!

Memandangkan kes Timbalan Menteri Keselamatan Dalam Negeri, Datuk Mohd Johari Baharum masih belum jelas kedudukannya, maka pekeling terbabit boleh diinterpretasi sebagai usaha KKDN untuk melarang liputan media demi kepentingan Timbalan Menteri KKDN terbabit, terutama tatkala beliau didesak oleh media untuk membuat penjelasan mengenai kesnya seperti arahan Perdana Menteri Abdullah.

Oleh itu, ada baiknya pekeling terbabit ditarik balik untuk mengelakkan persepsi campurtangan KKDN secara terang-terangan dalam kes Timbalan Menterinya.

Copyright © 1999-2007 Mkini Dotcom Sdn. Bhd.
Source : <http://www.malaysiakini.com/news/64822>